

APLIKASI KAEDAH FIQH DALAM PEMBENTUKAN PARAMETER KONTRAK PERNIAGAAN FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI

APPLICATION OF THE FIQH METHOD IN THE FORMATION OF THE PARAMETERS OF A SELF-SERVICE LAUNDRY FRANCHISE BUSINESS CONTRACT

Mohd Huefiros Efizi Husain^{1,a*} dan Abdullah Firdaus Abdul Jalil^{2,b}

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Managing Director, Sportflex Media & Event Sdn. Bhd.

mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

alieff.firdaus@gmail.com

*Corresponding Author: mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my

Abstrak: Kontrak perniagaan francais adalah elemen penting menghubungkan keperluan di antara franchisor dan franchisee sepanjang kontrak berlangsung. Kedua-dua peranan tersebut perlu menyatakan persetujuan ke atas kontrak ditawarkan sebelum perniagaan mula beroperasi. Kontrak yang ditawarkan mengandungi terma khusus yang menfokuskan kepada bentuk operasi perniagaan dan matlamat yang mahu dicapai. Persetujuan mematuhi setiap terma dalam kontrak dituntut supaya kemungkiran dalam mendirikan kontrak dapat diatasi. Walaubagaimanapun, terdapat isu dalam kontrak francais yang belum menemui cara penyelesaian dan ia berlarutan kepada tempoh masa yang lama untuk diselesaikan. Ia memberi impak kepada prestasi operasi perniagaan dan hubungan kedua-dua peranan. Oleh itu, kajian ini meninjau langkah penyelesaian kepada isu tersebut berdasarkan kaedah fiqh tertentu dalam pembentukan parameter kontrak perniagaan francais dobi layan diri. Para fuqaha' begitu meneliti menghasilkan kaedah fiqh menerusi kefahaman daripada sumber hukum utama Islam agar ia dijadikan rujukan dalam keperluan sejagat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan melibatkan kaedah perpustakaan dan temubual bersama pakar. Hasil kajian mendapati kaedah fiqh yang disandarkan bersesuaian untuk dicadangkan dalam pembentukan parameter pelaksanaan kontrak dan menyelesaikan isu dalam perniagaan ini dengan segera. Kajian ini mencadangkan agar penghayatan kaedah fiqh dapat diperluaskan dalam kebanyakan kontrak perniagaan bagi memastikan matlamat operasi perniagaan dapat dicapai sepenuhnya.

Kata Kunci: Francais, kaedah fiqh, bayaran, terma kontrak dan parameter kontrak.

Abstract: The franchise business contract is an important element connecting the requirements between the franchisor and the franchisee throughout the contract. Both roles can be seen in the self-service laundry franchise business by including agreement on the contract offered before the business starts operating. The contract offered contains specific terms that focus on the form of business operations and the goals to be achieved. Agreement to comply with each term in the contract is required so that defaults in establishing the contract can be overcome. However, there is an issue in the franchise business contract when there is no legal source that

governs the implementation of the franchise business contract and it has not been clearly determined what the appropriate contract implementation method is to be implemented in Malaysia for the self-service laundromat franchise business sector. This causes effective settlement measures to be unable to be implemented within the contractual time period. It impacts the performance of business operations and the relationship between the two roles. Therefore, this study examines the solution steps to the issue based on certain fiqh methods in the formation of self-service laundry franchise business contract parameters. The jurists researched and produced jurisprudence methods through understanding from the main sources of Islamic law so that they could be used as a reference for universal needs. This study uses qualitative methods to achieve the research objectives by involving library methods and interviews with experts. The results of the study found that the jurisprudence method that is supported is suitable to be proposed in the formation of contract implementation parameters and resolve issues in this business immediately. This study suggests that the appreciation of jurisprudence can be expanded in most business contracts to ensure that the goals of business operations can be fully achieved.

Keywords: Franchise, fiqh method, payment, contract terms and contract parameters.

1. Pengenalan

Tinjauan terhadap pelaksanaan kontrak perniagaan francais dobi layan diri di sekitar daerah Johor Bahru, Johor di antara tahun 2020 sehingga 2022 menemukan beberapa permasalahan membabitkan tanggungjawab di kalangan francaisor dan francaisi. Francoisor berperanan sebagai pemilik perniagaan dan mengetuai operasi francais. Mereka berhak menawarkan peluang menyertai perniagaan francais kepada pihak yang berminat dan memenuhi kriteria penyertaan francais. Sebahagian daripada permasalahan tersebut telah menjadi krisis yang berlarutan sejak perniagaan francais didirikan. Kedua-dua pihak telah mengambil langkah untuk menanganinya namun ia gagal untuk dipulihkan secara total atau dalam tempoh masa tertentu. Justeru, permasalahan yang timbul dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pembayaran dan pelanggaran terma kontrak supaya dapat dikenalpasti secara lebih efektif. Krisis yang membabitkan aspek pembayaran dalam perniagaan francais dobi layan diri adalah bayaran tersembunyi, pembayaran yuran sokongan sebelum francais beroperasi dan bayaran denda di atas kegagalan menepati kandungan kontrak. Manakala krisis melibatkan pelanggaran terma kontrak ialah penghantaran barangan yang tidak menyerupai kandungan kontrak dan ketidakseragaman kandungan hebahan ke atas perubahan dalam francais. Permasalahan tersebut boleh menjejaskan kesempurnaan dan matlamat kontrak. Kaedah fiqh pula merupakan panduan hukum yang dibina oleh para cendekiawan Islam berpandukan pemahaman Al-Qur'an dan al-Sunnah, dan bersandar kepada kepentingan semasa secara menyeluruh terutamanya selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Kaedah tersebut dibina di atas disiplin ilmu dan pengetahuan yang jelas terhadap sesuatu hukum. Sehingga kini, kaedah fiqh masih relevan diaplikasikan dalam banyak urusan kehidupan demi memberi kesejahteraan kepada umat manusia.

2. Pengenalan Kaedah Fiqh

2.1 Definisi Kaedah Fiqh

Istilah kaedah diambil dari bahasa arab iaitu al-qa'idah yang membawa maksud asas, dasar dan panduan. Definisi dari sudut istilah terbahagi kepada dua bahagian iaitu *kulliyah* (menyeluruh) dan *aghlabiyyah* (majoriti). Ia digunakan ke atas usaha menyelesaikan permasalahan hukum syarak yang timbul membabitkan kehidupan harian manusia. Kedua-dua bahagian ini saling berhubungan dalam pembentukan hukum ke atas sesuatu perkara sejajar dengan keperluan sejagat dan syarak. Contoh kaedah "*al-umur bi maqasiduha*" yang bermaksud setiap perkara bergantung kepada niat pelaksanaannya. Kaedah ini bersifat umum tetapi boleh diaplikasikan dalam banyak tingkah laku seharian manusia seperti urusan perkahwinan, perniagaan dan ibadat. Contohnya perlakuan memberi sedekah dan kewajipan membayar zakat memiliki penetapan hukum yang berbeza dan dipisahkan melalui niat pelaksanaannya. Tindakan bersedekah adalah sunat dengan memperoleh kebaikan apabila melaksanakannya tanpa memberi kesan sekiranya meninggalkannya. Manakala zakat adalah sebagai kewajipan dan akan memperoleh dosa jika mengingkarinya. Walaubagaimanapun, ia berkecuali kepada niat ke atas pelaksanaan maksiat yang jelasnya bersalahan dengan tuntutan hukum syarak dan di murka Allah SWT.

2.2 Bahagian Kaedah Fiqh

Penentuan kaedah fiqh dilakukan oleh para fuqaha' yang menjadi perhatian dan panduan kepada umat manusia untuk sandarkannya kepada hukum semasa yang tidak ditemui secara tepat dari sumber hukum utama Islam iaitu Al-Qur'an al-Karim dan As-Sunnah. Penentuan kaedah ini melalui beberapa fasa bermula daripada mazhab Hanafi, kemudian mazhab Maliki, diikuti mazhab Syafi'e dan seterusnya mazhab Hanbali. Antara kaedah yang ditentukan oleh keempat-empat mazhab tersebut dapat dilihat seperti yang berikut:

- a) Mazhab Hanafi
 - i- Usul al-Karkhiyy oleh Abu al-Hasan al-Karkhiyy (340H)
 - ii- Al-Ashbah al-Naza'ir oleh Ibn Nujaym (970H)
 - iii- Al-Fara'id al-Bahiyyah fi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah oleh al-Husayniy (1305H)
- b) Mazhab Maliki
 - i- Al-Furuq oleh al-Qarafi (684H)
 - ii- Al-Qawa'id oleh al-Maqqari (758H)
 - iii- 'Iddah al-Masalik ila Qawa'id oleh al-Winsharisiy (914H)
- c) Mazhab Syafi'e
 - i- Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam oleh 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (660H)
 - ii- Al-Ashbah al-Naza'ir oleh Ibn al-Subki (771H)
 - iii- Al-Ashbah al-Naza'ir oleh al-Suyuti (911H)
- d) Mazhab hanbali
 - i- Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah oleh Ibn Qadi al-Jabal (771H)
 - ii- Al-Qawa'id al-Kulliyah wa al-Dawabit fi al-Fiqhiyyah oleh Ibn 'Abd al-Hadi (909H)
 - iii- Qawa'id al-Majallat al-Ahkam al-Shar'iyyah oleh Ibn 'Abdullah al-Qari (1359H)

Perincian kaedah fiqh oleh para fuqaha' terbahagi kepada tiga peringkat merangkumi kaedah asas, kecil dan pengkhususan kepada bab tertentu. Antara kaedah yang dihindungkan dalam kaedah asas ialah "*la darar wa la dirar* (tiada mudarat dan tiada yang memudaratkan)",

“*al-yaqin la yazul bi al-shak* (keyakinan tidak dihilangkan dengan syak)” dan “*al-mashaqah tajlib al-taisir* (kesukaran membawa kepada keringanan)”. Kedua, kaedah ke atas perkara yang kecil adalah seperti “*al-darurat tubih al-mahzurat* (perkara-perkara yang darurat mengharuskan perkara yang dilarang)” dan “*tasarruf al-imama ‘ala al-ra’yati manuti bi al-maslahah* (tindakan dan keputusan pemerintah ke atas rakyat bergantung kepada kemaslahatan umum)”. Ketiga, kaedah yang khusus kepada perkara tertentu adalah seperti kaedah “*hal al-ibrah badigh al-‘uqud aw bima’aniha* (adakah yang diambil kira dalam sesebuah kontrak - sighah (lafaz) kontrak atau maknanya)”. Berdasarkan kepada pembahagian kaedah fiqh di atas, ia menyaksikan bahawa kaedah tersebut mempunyai peranan dan fungsinya tersendiri serta perlu diteliti dengan mendalam ketika mahu mengaplikasikannya ke atas sesuatu hukum. Berbeza dengan dua kaedah yang pertama, kaedah ketiga boleh diaplikasikan dalam kumpulan yang kecil dan ditentukan sahaja.

2.3 Dalil-dalil kaedah Fiqh

Dalil kepada pembentukan kaedah fiqh oleh para fuqaha’ di antaranya ialah:

1. “*Maksudnya: Nabi Muhamamd SAW bersabda; Jika kamu menghadapi masalah sakit perut, tetapi tidak pasti sama ada telah terkeluar atau belum akan angin dari dubur (kentut), maka tidak perlu beredar daripada masjid untuk berwujud’ sehingga terdengar bunyi atau pun berbau*” (Muslim, t.th: 276).

Kaedah penetapan hukum dalam situasi hadith di atas diambil kira ke atas keyakinan individu bahawa wuduk beliau masih terpelihara. Maka, tiada perubahan yang terjadi kerana tidak mempunyai perasaan yang syak untuk membatalkan wuduk.

2. “*Maksudnya: Nabi Muhammad SAW bersabda; apabila kamu telah syak dalam solat sama ada telah mendirikan tiga atau empat rakaat, maka hendaklah kamu menghilangkan syak tersebut dan meneruskan solat mengikut jumlah yang diyakininya*” (Muslim, t.th: 400).

Keyakinan yang tegar ketika mendirikan solat lebih mendahului berbanding perasaan syak yang bersifat kabur dan diragui. Hal ini adalah kerana syak yang hadir boleh menjejaskan kesempurnaan ibadat khususnya dalam solat dan boleh dihilangkan dengan keyakinan yang pasti.

Antara pelopor definisi pertama ialah al-Jarjaniyy dan al-Taftazaniyy (al-Jarjaniyy 1999: 171), manakala pelopor definisi kedua pula ialah Imam al-Shatibiyy (al-Haririyy 1998: 9-10). Realitinya, kedua-dua aliran tersebut tidak bertentangan di antara satu sama lain, kerana maksud aliran pertama yang menyatakan dasardasar fiqh bersifat kulliyyah adalah, sesuatu kaedah tidak akan berada di dalam kaedah yang lain tanpa menafikan kemungkinan wujudnya pengecualian hukum terhadap sesuatu kaedah sebagaimana yang dikehendaki oleh aliran kedua (al-Haririyy 1998: 9). Justeru, kaedah fiqh disimpulkan sebagai satu pernyataan ringkas yang mengandungi makna yang umum serta merangkumi permasalahan cabang fiqh yang pelbagai. Sebagai contohnya ialah kaedah: Maksudnya, "Setiap perkara bergantung kepada niatnya" (al-Suyutiyy 1998: 35). Kaedah ini bersumberkan Hadis Nabi S.A.W iaitu: Maksudnya, "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing" (al-Bukhariyy 1400H: 13).

Kaedah tersebut bersifat umum dan diterima pakai dalam setiap permasalahan fiqh, termasuk ibadat, perkahwinan, muamalat dan jenayah. Imam Shafie menegaskan, ia

diaplikasikan dalam 70 bab fiqh (al-Suyutiyy 1998: 38). Misalnya dalam bab ibadah, puasa seseorang tidak dapat dibezakan di antara sunat dan wajib melainkan dengan niat si pelakunya. Dalam masalah muamalat semasa, ada sesetengah penjual menawarkan kupon untuk setiap pembelian melebihi RM200, untuk ditukar dengan barangan tertentu, pembelian itu tidak diharuskan jika si pembeli membeli sesuatu barangan daripada penjual tersebut dengan niat untuk mendapatkan kupon tersebut, dan begitulah sebaliknya (a]- Shal 2002: 73). Namun demikian, terdapat beberapa pengecualian hukum terhadap kaedah tersebut. Contohnya ialah, seseorang yang berniat untuk memakan nasi atau bersetubuh semasa berpuasa tidak dianggap Kaedah-kaedah Fiqh: Satu Pengenalan Ringkas membatalkan puasanya selagi mana dia tidak melakukannya, sebagaimana seseorang yang berniat untuk mengkhianati sesuatu amanah tidak perlu membayar ganti rugi melainkan dia cuai dalam melaksanakan amanah tersebut (al-Suyutiyy 1998: 89).

2.4 Faedah Mempelajari Kaedah Fiqh

Terdapat pelbagai faedah daripada mempelajari kaedah fiqh antaranya dapat memahami hukum fiqh dengan mendalam dan mengenalpasti kaedah fiqh yang digunakan ke atas penentuan hukum semasa. Hal ini kerana perkembangan dunia yang pantas menuntut kepada penerokaan bidang pengetahuan dan peletakan hukum baharu yang tidak ditemui daripada sumber hukum utama Islam. Antaraya hukum penggunaan ubat yang berasal daripada najis haiwan yang haram disentuh dan makan ketika keadaan darurat. Ia dilihat kepada kepentingan memelihara nyawa setelah tidak ditemui ubat atau penawar yang diperbuat daripada bahan diharuskan dalam Islam. Kemudian, ia melatih minda menghormati disiplin ilmu yang terhasil secara tersusun daripada penelitian dan pemerikasaan yang jitu. Hal ini dapat dibuktikan apabila seseorang individu akan menemui jalan buntu dan curiga untuk meyakini hukum sesuatu amalan didirikan apabila tiada asas hukum yang tepat digunakan. Bahkan, mereka turut mengalami kesan mudarat yang berpanjangan sekiranya segala ilmu pengetahuan dicampur-adukkan dalam satu hukum tanpa merujuk kepada tujuan khusus kepenggunaannya. Maka, terbentuk pemikiran sekularisme yang menafikan hukum Islam sebenar. Tambahan pula, mempelajari kaedah fiqh ini akan mengukuhkan tahap keimanan kepada Allah SWT apabila menyedari bahawa sesuatu perkara akan terjadi dengan tujuan dan hikmahnya, serta fungsi kaedah tersebut dibentuk mengikut keperluan sejagat.


3. Kontrak Francais Dobi Layan Diri

Francais dapat dizahirkan sebagai hubungan persepakatan melibatkan francaisor dan francaisi dalam sebuah perniagaan yang dijalankan (Martin, 1995). Francaisor berfungsi menawarkan elemen bimbingan terhadap tindakan memasarkan produk yang telah ditetapkan jenis, nilai dan kaedah pemasaran kepada bakal pelabur yang berminat untuk turut serta membangunkannya. Manakala, francaisi pula perlu menyediakan elemen sumber kewangan untuk dibayar kepada francaisor dalam tempoh masa ditetapkan dan sekumpulan tenaga kerja yang baik bagi memastikan francais berjalan dengan lancar. Keperluan kepada elemen yang dinyatakan di atas merupakan komitmen dan syarat terlibat dalam francais meliputi kebenaran mengguna pakai jenama francais, pemasaran produk dan operasi francais seperti yang dikemukakan dalam kandungan kontrak (Noraini, 2002).

Di Malaysia, perniagaan francais didirikan berpandukan Akta Francais 1998 (Pindaan) 2012 yang menawarkan panduan pelaksanaan francais bermula daripada syarat francais sehingga kepada tindakan perundangan yang wajar dikenakan terhadap kemungkiran

dalam mematuhi matlamat francais. Perniagaan francais didirikan berdasarkan potensi individu atau pihak tertentu untuk membangunkan francais berdasarkan peluang penglibatan dan usaha menangani risiko yang bakal berlaku. Kemudian, sumber kewangan yang kukuh dan urusan pendaftaran francais dengan jelas bagi memastikan fasiliti dan keperluan dalam outlet francais dapat disediakan mengikut identiti francais didirikan (Awalan, 1999). Selain itu, asas francais juga merangkumi kelayakan pihak berkontrak kepada franchisor dan franchisee bagi memastikan matlamat francais dapat ditunaikan sama ada melibatkan tanggungjawab pembayaran, publisiti francais dan pemasaran produk. Bahkan, di franchisor pula melibatkan perancangan francais dengan bijak, mengatur sesi bimbingan dan kadar pembayaran yang bersesuaian.

Oleh yang demikian, kontrak perniagaan francais dapat dibangunkan selepas setiap tuntutan dalam perniagaan tersebut berjaya dipenuhi berdasarkan pemahaman syarat francais, pembayaran mengikut kadar modal yang ditetapkan, kelayakan yang bertepatan dengan matlamat francais dan sikap bertanggungjawab yang mendalam untuk membangunkan produk francais. Struktur pelaksanaan kontrak perniagaan francais dapat dilihat seperti dalam Rajah di bawah:



Rajah 1: Struktur Pelaksanaan Kontrak Perniagaan Francais Dobi Layan Diri

Berdasarkan Rajah 1 di atas, perniagaan francais merupakan satu perancangan perniagaan berstruktur daripada langkah awal diperkenalkan kepada para bakal pelabur (penerima francais) yang berminat untuk turut serta membangunkannya. Maka, perbincangan dan sesi bimbingan industri berperanan melatih mereka untuk melaksanakan francais dengan baik mengikut tawaran yang diperkenalkan. Maka, tuntutan pembayaran Penawaran Kontrak Perbincangan dan Persetujuan Pembayaran Yuran Francais Penyerahan Francais Bimbingan & Operasi Pembayaran Royalti Francais ditetapkan sebagai syarat pendaftaran dan kelayakan melangsungkan operasi francais dalam tempoh masa ditetapkan.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif hasil daripada temu bual bersama franchisor, franchisee dan pakar bidang muamalat Islam berhubung bagi mencapai matlamat kajian. Sesi temu bual dijalankan secara semi-berstruktur bermula daripada 15 Ogos 2020 sehingga 12 Mac 2022 melibatkan permis di sekitar daerah Johor Bahru, Johor. Selain itu, kajian ini melibatkan kaedah perpustakaan menerusi tindakan pembacaan tesis, jurnal, buku dan bahan bacaan lain yang bersesuaian. Kedua-dua kaedah tersebut berperanan untuk menumpukan pemahaman terhadap fenomena persoalan kajian berhubung pembentukan parameter kontrak francais dobi layan diri berdasarkan kepada kaedah fiqh yang terpilih.

5. Hasil Kajian


Kajian ini terlebih dahulu mengenalpasti isu-isu yang berbangkit dalam pelaksanaan kontrak francais dobi layan diri sepanjang kajian dijalankan. Isu tersebut merangkumi kemungkiran dalam aspek pembayaran dan pelanggaran terma kontrak. Kajian ini menimbangtarakan langkah penyelesaian isu tersebut agar matlamat kontrak francais dapat dibangunkan dengan lebih baik mengikut panduan Islam sebenar. Perkara ini membuka ruang perbincangan terhadap cadangan baharu yang dapat diaplikasikan mengikut kaedah hukum bersesuaian dengan tidak menafikan hak setiap pihak berkontrak. Rasulullah SAW bersabda:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: «إن الله عز وجل فرض فرائض فلا تضيعوها وحرم حرمات فلا تنتهكوها وحد حدودا فلا تعتدوها وسكت عن أشياء من غير نسيان فلا تبحثوا عنها»

Riwayat al-Dāruqūṭnī

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah SWT tidak memberi keputusan hukum terhadap beberapa perkara adalah sebagai rahmat ke atas kamu bukan kerana lupa. Oleh itu, janganlah kamu mencari-cari masalah terhadapnya”.

Rajah 2 : Kerangka Garis Panduan Kontrak Francais Dobi Layan Diri Berteraskan Hukum Syarak



Sumber: Hasil temu bual pengkaji bersama responden

Oleh itu, kaedah fiqh yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam penetapan parameter kontrak francais dobi layan diri ditampilkan seperti yang berikut:

5.1 Aspek bayaran

1) Francaisor perlu melengkapkan senarai bayaran yang perlu ditunaikan oleh francaisi ketika kontrak mula ditawarkan sebelum persetujuan melaksanakan kontrak dilakukan. Senarai bayaran tersebut dikemukakan dengan lengkap merangkumi harga belian semasa, bayaran royalti dan belian penambahan yang diperlukan selepas francais beroperasi sebagai langkah penyediaan modal kewangan oleh francaisi. Maka, francaisi akan bersedia dan memahami keperluan penambahan bayaran tertentu berdasarkan keperluan semasa. Kaedah fiqh yang bersesuaian dalam parameter kandungan kontrak francais ini dapat dilihat kepada yang berikut:

" المرء مؤاخذ بإقراره "

Maksudnya: "Kewajipan seseorang manusia adalah berpegang kepada ikrarnya."

Kaedah ini bersesuaian dengan parameter yang dikemukakan apabila perniagaan francais perlu dibangunkan berdasarkan perjanjian dalam kontrak yang ditawarkan. Hal ini bagi memastikan agar kedua-dua pihak di kalangan francaisor dan francaisi tidak terlibat dalam pengkhianatan dan pengingkaran kontrak.

2) Penetapan bayaran denda secara jelas dalam kandungan kontrak francais yang dibangunkan. Penetapan tersebut dapat dijadikan panduan kepada francaisi khususnya agar menepati setiap tuntutan bayaran yang dikemukakan dalam kontrak. Kaedah fiqh yang bersesuaian dalam parameter tuntutan bayaran denda dalam kontrak francais dapat dilihat seperti yang berikut:

"التصرف على الرعية منوط بالمصلحة"

Maksudnya: "Memerintah ke atas rakyat itu bergantung dengan maslahat."

Penetapan bayaran denda dalam kontrak dilihat sebagai pendekatan yang wajar bagi memastikan setiap pihak yang terlibat dalam kontrak dapat mematuhi setiap kewajipan dan tanggungjawab. Kemungkinan yang dikenali pasti berikutan keingkaran mematuhi syarat bayaran dalam kontrak francais berlaku semakin berleluasa dan menyebabkan francaisor terpaksa menanggung kerugian. Kaedah fiqh yang dikemukakan di atas bertepatan untuk memelihara kemaslahatan syarat kontrak dipatuhi dengan baik sepanjang kontrak berlangsung. Walaubagaimanapun, kadar kerugian atau bayaran denda yang wajar dikemukakan kepada francaisi adalah bergantung kepada kadar atau kos kerugian yang diperolehi oleh francaisor. Ia bagi bertujuan tidak berlaku pengkhianatan dengan mengambil kesempatan ke atas perkara yang bukan menjadi hak mereka daripada satu pihak kepada pihak lain.

3) Seterusnya, penetapan tempoh bayaran royalti selepas francais beroperasi sepenuhnya. Berdasarkan isi yang timbul, francaisi diarahkan untuk melakukan bayaran duit royalti sebaik sahaja kontrak dibangunkan. Namun begitu, dalam perniagaan francais seumpama ini memerlukan tempoh masa tertentu untuk mempersiapkan outlet. Sedangkan francais tersebut belum beroperasi dan dibuka kepada pengunjung. Kebiasaannya, ia mengambil tempoh 30 hari untuk memastikan outlet lengkap dengan persiapan dan selamat digunakan. Bahkan, terdapat outlet yang mengambil masa lebih daripada tempoh kebiasaan disebabkan beberapa permasalahan seperti kawasan outlet yang lebih besar, terdapat cuti peristiwa dan kekangan sumber bahan. Isu ini memberi tekanan kepada francaisi yang berdaftar apabila terpaksa mendahulukan bayaran royalti. Sedangkan sebelum itu telah membayar penuh yuran pendahuluan francais kepada francaisor. Pembentukan parameter syarat bayaran royalti ini ditinjau berdasarkan kaedah fiqh seperti di bawah:

"المعلق بالشرط يجب ثبوته عند ثبوت الشرط"

Maksudnya: "Yang ditanggungkan dengan syarat itu wajib disabitkannya ketika sabit syaratnya".

Permintaan membayar bayaran royalti sebelum francais beroperasi merupakan langkah berlawanan dengan tujuan kontrak didirikan dari pespektif hukum syarak walaupun mereka telah menyatakan persetujuan menunaikan bayaran tersebut pada bulan pertama setelah kontrak didirikan. Maka, cadangan terhadap pembayaran royalti setelah francais beroperasi tiga bulan daripada outlet disiapkan dan dibenarkan beroperasi merupakan syarat bayaran yang berkesan setelah penerima francais memperoleh kemanfaatan daripada operasi francais. Kemanfaatan daripada francais adalah hasil pendapatan yang diterima sepanjang francais beroperasi dalam tempoh waktu tersebut. Tiga bulan setelah francais beroperasi memberi ruang kepada francais menstabilkan kadar pendapatan yang boleh diterima seperti yang disasarkan syarikat francais selepas bulan pertama dan kedua beroperasi lazimnya dijadikan sebagai langkah pengenalan kepada pengunjung untuk berkunjung ke outlet francais.

5.2 Aspek terma kontrak

1) Francaisor perlu mengemukakan beberapa jenama fasiliti yang ditawarkan untuk digunakan dalam operasi francais. Ia boleh dijadikan sebagai pilihan dan persediaan sekiranya sesuatu jenama ke atas fasiliti yang sedia digunakan mengalami kehabisan stok atau kekangan lain. Maka, tidak timbul isu penindasan dan ketidakjelasan maklumat dalam operasi francais. Walaupun begitu, kualiti barangan tersebut perlu standing dengan pilihan jenama yang pertama ditawarkan dan memiliki fungsi yang sama supaya operasi francais dapat diteruskan mengikut perancangan kontrak. Parameter kontrak francais ini berteraskan kepada kaedah fiqh yang berikut:

"استعمال الناس حجة يجب العمل بها"

Maksudnya: "Yang di dalam pegangan atau kuasa adat seseorang itu wajib diamalkan dengannya".

Usaha untuk mengemukakan jenama setanding dengan barangan yang digunakan dalam kontrak merupakan kompenan penting bagi memastikan matlamat kontrak dapat dijalankan tanpa terdapat risiko kemungkiran. Kaedah fiqh yang digunakan dalam pembentukan parameter kontrak ini menyaksikan bahawa tuntutan mematuhi syarat dan adat yang diterapkan dalam sesuatu perkara perlu dijadikan keutamaan bagi memastikan tujuan pelaksanaan tercapai dengan sebaiknya.

2) Francaisor mengawal semula harga jualan bahan kimikal berbentuk sabun pencuci pakaian dan pelembut pakaian untuk disalurkan kepada francais. Kawalan harga tersebut berperanan menghentikan tindakan pembohongan penggunaan bahan kimikal selain daripada yang disarankan oleh francaisor kepada penggunaan pengunjung ke outlet francais. Berdasarkan tinjauan dijalankan, terdapat sejumlah outlet francais menggunakan bahan kimikal daripada jenama luar disebabkan mahu merendahkan kos perbelanjaan demi mendapatkan kadar keuntungan hasil operasi francais dengan lebih tinggi. Rungutan yang diterima oleh pengunjung di outlet terbabit adalah kualiti cucian pakaian terkini tidak setanding dengan cucian semasa berikutan perbezaan bahan kimikal yang digunakan. Pakaian mereka berbau dan terdapat sisa-sisa sabun yang tidak terlarut dalam cucian. Sedangkan, isu ini tidak wajar berlaku

sekiranya francaisi menggunakan bahan kimikal yang telah disarankan oleh francaisor. Kaedah fiqh yang diterapkan dalam cadangan pembentukan parameter ini adalah:

"حفظ الموجود أولى من تحصيل المفقود ودفع الضرر أولى من جلب النفع"

Maksudnya: "Memelihara yang telah ada lebih diutamakan berbanding tiada dan menolak kemudharatan lebih utama daripada menarik kemanfaatan."

Pemeliharaan hak kualiti francais dilihat sebagai keutamaan dalam francais apabila francaisi telah menyatakan persetujuan menyertai francais dan menggunakan segala syarat yang dikemukakan dalam kontrak francais. Hak tersebut perlu dipelihara sebagai sebuah tanggungjawab selepas diberi keizinan mendirikan francais. Kemudharatan yang timbul kesan daripada pengingkaran mematuhi syarat francais akan menjejaskan kesempurnaan penglibatan francais dan kontrak di sisi Islam. Sekiranya hal ini dibiarkan berterusan, maka syarikat francais akan mengalami kemerosotan prestasi francais kerana mempunyai kualiti yang tidak setanding dengan penyediaan sebenar francais.

3) Francaisor perlu menyeragamkan pemberitahuan ke atas perubahan yang dilakukan kepada setiap francaisi yang berdaftar agar berlaku keadilan dalam melaksanakan kontrak terlaksana. Berdasarkan tinjauan, terdapat francaisi yang tidak mendapat maklumat pembaharuan yang sepenuhnya seperti sebahagian francaisi lain yang terima daripada satu syarikat. Perbezaan ini menyebabkan timbul pertelingkahan ketika melakukan operasi francais dan ketika menghantar laporan operasi. Isu ini seolah-olah terdapat diskriminasi daripada francaisor kepada sekumpulan francaisi yang berdaftar, sedangkan mereka telah melakukan pembayaran yang sama rata sebelum ini. Cadangan garis panduan ini dapat ditinjau berdasarkan kaedah fiqh di bawah:

"يلزم مراعاة الشرط بقدر الامكان"

Maksudnya: "Lazim memelihara syarat itu dengan seberapa yang boleh."

Kaedah fiqh ini memperhalusi kepentingan mematuhi syarat sesuatu pelaksanaan dengan sebaik mungkin bagi memastikan segala kemudharatan yang boleh berlaku dapat dihindari dari awal ia ditetapkan. Maka, menjadi tanggungjawab kepada francaisor untuk memastikan maklumat hebahan disampaikan kepada seluruh francaisi bagi memelihara keharmonian hubungan di antara francaisi yang berdaftar dan memastikan matlamat francais dilaksanakan mengikut keperluan setiap yang terlibat.

6. Penutup

Kajian ini memberi fokus kepada mengenalpasti kaedah fiqh yang bersesuaian ke atas pembentukan parameter pelaksanaan kontrak dalam perniagaan francais dobi layan diri. Kaedah-kaedah yang digunakan merupakan kaedah yang diperkenalkan oleh para fuqaha' dan diterapkan dalam penyelesaian masalah hukum bagi mengawal keharmonian sejagat. Tambahan pula, kontrak francais dobi layan diri adalah syarat utama keizinan francais diberikan oleh francaisor kepada francaisi untuk kadar masa tertentu dan perlu mematuhi syarat ditetapkan. Permasalahan yang timbul sepanjang kontrak dilaksanakan memerlukan kepada langkah penyelesaian yang efektif setelah syarat yang diperkenalkan dalam kontrak gagal dipatuhi sepenuhnya. Oleh itu, kajian ini meninjau kepada pembentukan parameter kontrak

francais tersebut mengikut acuan yang ditentukan dalam kaedah fiqh bagi memastikan kontrak mengikut syarak dapat dilaksanakan. Kaedah yang ditinjau merangkumi tujuan menjaga kemaslahatan hubungan, pemilikan hak dan tanggungjawab di kalangan francisor dan francais. Bahkan, ia bertujuan untuk menangkis kesan negatif yang terdapat dalam pelaksanaan francais sebelum ini seperti penindasan, pembohongan dan pengkhianatan. Selain daripada fokus kajian yang sama, kajian ini boleh ditinjau ke atas pembentukan parameter kontrak francais daripada jenis francais yang berbeza seperti makanan dan pendidikan. Kajian seumpama ini boleh dikembangkan bagi memperkasakan kaedah fiqh dalam penyelesaian isu kontrak di sisi syarak.

Rujukan

- Al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma'il. (1400H). *Sahih al-Bukhariyy*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Būrñū, Muḥammad Ṣidqī bin Aḥmad bin Muḥammad. (1996). *al-Wajīz fī Ḍāḥ Qawā'id al-Fiqh al-Kullīyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. (1), 353.
- Al-Haririyy, Ibrahim Muhammad Mahmud. (1998). *Al-Madkhal Ila al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kullīyyah*. 'Amman. Dar 'Ammar.
- Al-Jarjaniyy, 'Aliyy ibn Muhammad ibn 'Aliyy. (1999). *Al-Ta'rifat*. (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah).
- Al-Zarqā, Muṣṭafā Aḥmad. (1985). *Hal Yaqbal Shar'ān al-Ḥukm 'alā al-Madīn al-Mumātīl bi al-Ta'wīd 'alā al-Dayn*. Jedah: Majallāt Jamī'ah al-Mālik 'Abd al-'Azīz, al-Iqtisād al-Islaāmī. 109.
- Al-Zarqā, Muṣṭafā Aḥmad. (1989). *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dār al-Qalam. 208.
- Al-Zuhaylī, Muḥammad Muṣṭafā. (2006). *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah wa Taṭbiqātuha fī al-Madhāhib al-Arba'ah*. Damsyik: Dār al-Fikr. (1) 530.
- Awalan Abdul Aziz. (1999). *Perniagaan francais di Malaysia: Perspektif dan panduan*. Creative Energy Enterprise.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Lee Kuan Yee. (2012). "Faktor Kritikal Kejayaan Usahawan dalam Perniagaan", *Journal of Social Sciences and Humanities*, (7) 135.
- Hadis riwayat al-Dāruqutnī. (2004). Kitāb al-Raḍā', no. hadis 4396. Lihat al-Dāruqutnī, Abū al-Ḥasan 'Alī bin 'Umar, *Sunan al-Dāruqutnī*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, (5), 325.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad 'Abdillāh Ibn Ahmad Ibn Mahmud. (T.th). *Al-Mughni Wa Yalihi al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyy .
- 'Izzuddīn 'Abd al-Salām bin 'Abd al-'Azīz. (2002). *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣālihi al-Anām*, Kaherah: Dār al-Bayān al-'Arabī, (1) 8.
- Lawrence J. Gitman. (2003). *Principles of Managerial Finance*, Addison: Wesley Publishing, 10.
- Martin Mendelsohn. (1995). *The Guide to Franchising*. London: Cassell Publisher Limited.